

Surat khabar: Utusan Malaysia

Hari/Tarikh: 7/11/2012

Muka surat: 26

Tajuk : Unimas Bersama Masyarakat

## **Unimas Bersama Masyarakat**

KUCHING 6 Nov. -  
Universiti Malaysia  
Sarawak (Unimas) akan  
mengadakan program  
Unimas Bersama  
Masyarakat di Kompleks  
Pelancongan Sarawak  
(STC), di sini Sabtu ini.

Unit Komunikasi  
Korporat Unimas berkata,  
program bermula 9 pagi  
hingga 6 petang itu  
sempena 20 tahun  
penubuhan universiti  
berkenaan.

“Pelbagai aktiviti  
menarik bakal diadakan  
termasuk program derma  
darah dan pemeriksaan  
kesihatan secara percuma,  
pameran *The Unimas  
Trail*, pertunjukan filem  
pendek, sudut  
kanak-kanak dan  
persembahan tarian oleh  
Badan Kebudayaan  
Unimas serta pertunjukan  
fesyen.

“Penyertaan adalah  
percuma dan orang ramai  
dijemput bersama-sama  
memeriahkan program  
Unimas Bersama  
Masyarakat ini,” katanya  
dalam kenyataan akhbar  
di sini hari ini.